

# Pesara Paip dituduh terima rasuah

Oleh MOHD. SHAHRULANOOR  
ISHAK  
utusannews@mediamulia.com.my

**KUANTAN:** Seorang pesara berusia 61 tahun mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini semalam atas empat pertuduhan rasuah pada 2018.

Nazeri Hussain didakwa melakukan kesalahan itu ketika berkhidmat sebagai Penolong Operasi Bahagian Agihan Syarikat Pengurusan Air Pahang Berhad (Paip) antara Julai hingga Ogos 2018.

Bagi pertuduhan pertama, Nazeri dituduh menerima rasuah RM2,000 daripada Pengarah Wawasan Vista Engineering Sdn. Bhd., Chong Wei Peng di sekitar daerah ini melalui serahan tangan pada 11 Julai 2018.

Pertuduhan kedua pula, dia dituduh menerima RM2,000 daripada individu sama di sekitar daerah ini pada 12 Julai 2018.

Pertuduhan ketiga dan keempat, Nazeri didakwa menerima masing-masing RM10,000 juga daripada individu sama pada 24 Julai 2018 dan 21 Ogos 2018 melalui serahan tangan.

Bagi semua pertuduhan itu, dia dituduh mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan yang boleh dihukum penjara sehingga



**NAZERI** Hussain (kiri) dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Kuantan, semalam atas empat pertuduhan rasuah ketika berkhidmat di Paip.

ga dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Sejurus pertuduhan dibacakan, Pegawai Pendakwa Suruhanjaya Pencegahan Rasuan Malaysia (SPRM), Nadzirah Zahari menawarkan ikat jamin RM20,000 dengan seorang penjamin ke atas tertuduh.

Peguam Datuk Zaharman Zainal Abidin bagaimanapun

merayu mahkamah mengurangkan jumlah ikat jamin kerana tertuduh mempunyai tangguhan iaitu isteri dan anak berusia 21 tahun yang masih menuntut di institusi pengajian tinggi (IPT).

Hakim Mohd. Ghazali Mohamad Taib menetapkan ikat jamin RM10,000 dengan seorang penjamin dan 7 September ini untuk sebutan semula kes.